

TERBUKA

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2021/2022

| | | |
|--------------------|---|--|
| NAMA KURSUS | : | PERKEMBANGAN SISTEM PENDIDIKAN DAN LATIHAN DALAM PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL |
| KOD KURSUS | : | MBE 13603 |
| KOD PROGRAM | : | MBE/MBT/MBM |
| TARIKH PEPERIKSAAN | : | JANUARI / FEBRUARI 2022 |
| JANGKA MASA | : | 2 JAM 30 MINIT |
| ARAHAN | : | 1. JAWAB SEMUA SOALAN 2. PEPERIKSAAN AKHIRINI ADALAH PENTAKSIRAN SECARA DALAM TALIAN DAN DILAKSANAKAN SECARA TUTUP BUKU |

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

S1 Sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia telah mula bertapak pada tahun 1965. Perlaksanaan TVET di Malaysia bertujuan untuk memberi latihan kemahiran kepada individu dalam menguasai kemahiran asas pekerjaan.

a) Apakah definisi istilah Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) mengikut agensi UNESCO UNEVOC?

(2 markah)

b) Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan salah satu Kementerian yang bertanggungjawab dalam menyediakan latihan vokasional di Malaysia. Huraikan peranan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) di KPM.

(8 markah)

c) Terangkan bagaimana transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional yang berlaku pada tahun 2012 dapat meningkatkan kualiti pelajar dalam bidang Vokasional di Malaysia.

(10 markah)

S2 Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional di Malaysia dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian di Malaysia. Terdapat lebih dari **TUJUH (7)** kementerian yang terlibat dengan penawaran bidang TVET di Malaysia.

a) Senaraikan **LIMA (5)** kementerian yang turut terlibat menawarkan program PTV di Malaysia.

(5 markah)

b) Terangkan **DUA (2)** perbezaan utama diantara Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS).

(5 markah)

c) Nyatakan dengan bantuan gambarajah artikulasi TVET mengikut umur dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang digunakan dalam system pendidikan di Malaysia.

(10 markah)

S3 Sistem TVET mempunyai kcadah akreditasi yang dikawal oleh dua badan bebas yang bertanggungjawab terhadap kualiti program dan latihan.

- a) Namakan **DUA (2)** badan akreditasi yang terlibat dengan proses audit kualiti di institusi TVET di Malaysia.

(4 markah)

- b) Nyatakan **DUA (2)** syarat utama yang perlu dipatuhi bagi memenuhi akreditasi tunggal (COPTPA) dalam pembangunan program baru.

(6 markah)

- c) Jelaskan bagaimana proses mendapatkan kelulusan akreditasi program baru dibuat melalui sistem COPTPA?

(10 markah)

S4 Penubuhan Kolej Vokasional merupakan salah satu langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam melaksanakan transformasi pendidikan vokasional di Malaysia.

- a) Berikan **TIGA (3)** kelebihan dan **TIGA (3)** kelemahan yang telah dikenalpasti dari proses transformasi TVET yang telah diperkenalkan.

(6 markah)

- b) Berikan tiga (3) cabaran yang dihadapi oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mendepani isu-isu transformasi TVET.

(6 markah)

- c) Terangkan dengan jelas apa yang dimaksudkan dengan penghasilan “Tenaga Kerja Muda” seperitimana dalam matlamat transformasi TVET yang dilaksanakan?

(8 markah)

S5 Skim Latihan pembelajaran berasaskan kerja (WBL) merupakan salah satu kaedah latihan yang digunakan dalam sistem latihan di ILKA dan ILKS.

a) Nyatakan negara asal yang memperkenalkan kaedah latihan ini dan bagaimana kaedah ini diadaptasikan dari negara asal dalam latihan TVET di Malaysia.

(6 markah)

b) Terangkan **TIGA (3)** kelebihan dan **TIGA (3)** kelemahan menggunakan konsep WBL berbanding kaedah latihan konvesional dalam pelaksanaan program TVET di Malaysia.

(6 markah)

c) Terangkan dengan jelas bagaimana kaedah penilaian WBL dapat memenuhi kriteria kompetensi ditempat kerja dari perspektif kedua-dua pihak iaitu industri dan institusi latihan?

(8 markah)